

178 - 8/76

①✓

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI DAN
PEMANGKU PRESIDEN UMNO, DATUK HUSSEIN
ONN, KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT
PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU,
DI PUSAT PELBAGAIGUNA, JOHOR BAHRU
PADA HARI JUMAAT 16HB APRIL, 1976
JAM 10.00 PAGI

Saudara Pengerusi,
Y.A.B. Tan Sri Datuk Menteri Besar, Johor
Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Johor
Bahru,
Ahli-ahli Yang Berhormat,
Para Hadirin,
Saudara-saudara sekalian,

Mesyuarat Perwakilan Bahagian ini,
pada tahun lepas, telah diadakan pada waktu
saya berihat. Perasmianya telah dijalankan
oleh wakil saya, Y.B. Tan Sri Kadir Yusof.
Sungguhpun saya sendiri tidak dapat hadir
pada waktu itu, tetapi ingatan saya dan
semangat saya, tetap berada bersama-sama
dengan saudara-saudara sekalian.

2. Alhamdulillah pada hari ini dan pada saat ini, saya berada bersama-sama dengan saudara. Oleh yang demikian, saya bersyukur ke hadrat Allah kerana dapat hadir pada pagi ini dan menyampaikan sepatah dua kata sebagai Pemangku Presiden UMNO dan juga sebagai Ketua Bahagian ini.

3. Mesyuarat pada pagi ini adalah penting dalam rangka kita memperkemas dan memperkukuhkan Bahagian ini. Saya merasa amat puas hati dengan perjalanan Bahagian di masa yang lepas dan juga tentang ~~kelicinan~~ ^{kegiatan} ~~aktiviti~~ Cawangan-cawangan dalam Bahagian ini. Oleh yang demikian, saya inginlah mengalu-alukan wakil-wakil Cawangan dalam mesyuarat, pada pagi ini, dan mendoakan supaya kita sentiasa diberi taufik dan hidayah oleh Tuhan Yang Maha Kuasa dalam segala aktiviti kita.

4. Demikian juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih di atas kerjasama dan usaha saudara-saudara di masa yang lepas, yang banyak memberi galakan dan sokongan pada memperkuatkan Bahagian ini. Saya juga mengucapkan terimakasih di atas ingatan ikhlas serta doa saudara-saudara sekalian kepada saya untuk memimpin Bahagian ini dan juga untuk mengendalikan pimpinan parti dan negara. Doa restu dan sokongan saudara-saudara itulah yang banyak memberi semangat dan galakkan kepada saya.

...5/-

5. Dalam hubungan ini, patutlah saya nyatakan tentang kedudukan saya sebagai Ketua Bahagian ini. Memang menjadi hasrat saya untuk memberikan pimpinan secara langsung tetapi oleh sebab keadaan disamping mempunyai tanggungjawab yang lain, keinginan saya itu sangatlah terbatas. Oleh itu, saya harap saudara faham akan kedudukan ini. Yang demikian, saya inginlah mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih di atas keyakinan saudara sekelian pada mencalonkan saya, sekali lagi, menjadi Ketua Bahagian ini.

Saudara-saudara sekelian,

6. Dalam mesyuarat ini para perwakilan akan diminta memilih mengisi jawatan Timbalan

Ketua, Naib Ketua dan Ahli Jawatankuasa bagi tempoh dua tahun yang akan datang. ~~Ramai tokoh terkemuka telah dicalunkan untuk bertanding dan seperti lazimnya, calon ini juga telah berkempen mendapatkan sokongan cawangan dan sebagainya.~~

7. ~~Saya tidaklah berhajat hendak membuat sebarang ulasan kerana bimbang disalah tafsirkan.~~ Walau bagaimanapun, **S**aya penuh yakin para perwakilan sekelian tentulah mempunyai banyak pengalaman dan sudah matang dalam soal ini dan akan memilih tokoh yang difikirkan benar-benar boleh memperjuangkan kepentingan Bahagian ini, serta menjaga kebajikan ahli sekelian. ~~Patut juga diingatkan~~

~~kepentingan orang-orang lain khasnya anggota dalam Barisan Nasional hendaklah sama-sama dijaga.~~

Saudara-saudara sekalian.

8. Seperti biasa, saya suka mengingatkan para perwakilan dan calon yang bertanding ^{di mana-mana juga bagai} bahawa mereka haruslah patuh kepada sebarang keputusan sidang perwakilan. ~~hari ini.~~

Walaupun apa yang terjadi sebelum pemilihan ~~ini~~, samada perselisihan faham atau pergisilan peribadi atau berlainan pandangan antara calon atau penyokong mereka, semua ahli hendaklah melupakan peristiwa itu dan janganlah perselisihan faham tersebut dibiarkan berpanjangan, ~~selepas pemilihan ini.~~

Demokrasi memerlukan kita tunduk atas

keputusan ramai.

9. Saya menegaskan hal ini, demi menjaga kepentingan perpaduan parti kita ~~dalam~~ *diperhatikan* ~~sesuatu~~ bahagian. Selepas keputusan ~~pemilihan~~, ~~ini~~ ~~diumumkan~~, semua ahli patutlah mengenenepikan segala perselisihan faham dan apa juga perbezaan untuk bersatu semula dan bersama-sama berusaha meneruskan perjuangan parti. ~~kita~~. ~~menerusi Bahagian ini~~. Inilah sebaik-baik sikap yang harus diamalkan oleh setiap anggota samada di cawangan, di Bahagian, mahupun di peringkat Kebangsaan, supaya semangat perpaduan yang wujud akan terus dikekalkan demi keutuhan dan kekuatan parti kita.

Saudara-saudara sekalian,

10. Mengambil kesempatan ini juga, saya ingin menyatakan bahawa kami berdua sungguh merasa amat terharu dengan sambutan meriah, oleh segenap lapisan rakyat Negeri Johor yang telah keluar mengalu-alukan lawatan ~~pertama~~ ke negeri ini. Sebagai anak watan, memanglah saya berhajat melakukan lawatan ini lebih awal lagi, tetapi oleh kerana tugas yang lebih penting di luar dan dalam negeri, hanya pada kali ini sahaja dapat saya kelapangan menyempurnakan lawatan ^{itu} ~~ini~~. Saya inginlah merakamkan ucapan terimakasih kepada YAB Menteri Besar, Exco Kerajaan Negeri ^{perwakilan² parti,} ~~dan~~

Kerajaan

pegawai-pegawai, serta wakil² rakyat yang telah mengaturkan lawatan ini. Tidak kurang juga saya memberi penghargaan dan terimakasih kepada pemimpin kaum dan orang ramai sekalian.

Saudara-saudara sekalian,

11. UMNO, pada masa ini, menghadapi beberapa dugaan dan cabaran. Ini berlaku bukan sahaja sesudah berpulangannya ke Rahmatullah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, tetapi bunga-bunga cabaran itu telah mula sebelum Allahyarham itu meninggalkan kita lagi.

Dalam keadaan ini, saya telah mewarisi
pimpinan UMNO dan Kerajaan. ~~Akan tetapi~~
saya penuh percaya bahawa ahli-ahli
akan tunduk dan patuh kepada parti dan
keyakinan ahli akan tetap berada dengan
~~pemimpin-pemimpin sekarang.~~

12. Semenjak berlakunya beberapa peristiwa dalam parti, ^{pucuk pimpinan} ~~saya~~ terpaksa dengan tabah dan penuh azam menghadapi pergolakkan ini, kerana ~~saya yakin~~ apa yang telah dilakukan oleh ^{saya} ~~pucuk~~ ~~pimpinan~~ adalah benar dan tidak didasarkan kepada rasa irihati atau mempunyai prasangka terhadap sesiapa juga.

13. Mendalami sejarah parti, ^{percuti} ~~saya~~
~~rasa~~ pemimpin di masa lepas telah melakukan
beberapa tindakan, yang ada kalanya keras
dan ada kalanya pahit. Semuanya ini
dilakukan kerana, sebagai parti yang
berdasarkan perlembagaan dan mempunyai
disiplin, mestilah menentukan supaya parti
menjalankan aktiviti dan kegiatannya
berdasarkan kepada lunas-lunas ini, ^{tanpa} ~~tetapi~~
~~tidak~~ membelakangkan garis panduan yang
berasaskan demokrasi.

14. Saya percaya, sekalipun kita menghadapi dugaan dan cabaran, pada akhirnya, kita akan tetap memenangi dan memperoleh kepercayaan ahli-ahli oleh sebab kepentingan parti, kepentingan ^{agama, bangsa dan} negara adalah mengatasi kepentingan diri atau pun satu-satu golongan.

~~16.~~ Seperti yang termaklum, perhimpunan agong tahunan akan diadakan dalam bulan Julai akan datang dan pada masa itulah, sekiranya ada perkara tertentu yang ingin dibangkitkan, maka bolehlah wakil-wakil menyuarakan cadangan dan kemusykilan mereka.

Saudara² sekalian.

15. ~~16.~~ Dalam pada itu, seperti yang telah diumumkan, UMNO bercadang akan mengadakan satu seminar bagi membincangkan masaaalah ekonomi, khasnya perkara-perkara yang berbangkit dari Rancangan Malaysia Kedua. *Seminar Ekonomi etc* ~~Perwakilan dari~~ yang akan dihadiri oleh perwakilan dari setiap Bahagian, ~~itu~~ akan diadakan pada 8hb

di Kuala Lumpur,

dan 9hb Mei dengan tujuan mengkaji setakat mana kita telah berupaya mencapai matlamat Rancangan Malaysia Kedua dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

~~Demikian juga untuk membolehkan para perwakilan mencadangkan rancangan yang konkrit untuk dapat dimasukkan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga kelak.~~

Ekonomi

16 17. Oleh yang demikian, Seminar ~~atau~~
~~Perwakilan Khas Ekonomi~~ yang bakal diadakan
 ini saya anggap sangatlah penting. Matlamat
 kita ialah untuk ~~melaksanakan~~ *menjamin bahwa pelaksanaan* Dasar Ekonomi
 Baru ~~dengan~~ *adalah* lebih tersusun lagi. ~~Dalam hal~~
 ini, perlulah kita menentukan apa kelemahan
 atau kekurangan yang kita alami, serta
 di mana perkara yang perlu diperbaiki, baik
 pun dari segi guna tenaga mahupun daripada
 bentuk kelicinan pelaksanaan alat-alat
~~jentera pentadbiran serta tafsiran dasar.~~

ini

17A. Untuk maksud ~~menyediakan~~ *ini* persiapan
~~Mesyuarat Perwakilan ini~~, saya telahpun
 mengarahkan Y.B.M. Tengku Razaleigh ~~untuk~~
 menyediakan kertas-kertas kerja yang tertentu
 untuk dijadikan bahan perbincangan dalam
 Seminar itu.

17. ~~18.~~ ~~Demikian juga, saya telah~~
mendapatkan kerjasama dari beberapa
Jabatan kerajaan untuk menyediakan data-
data serta perincian yang boleh dijadikan
bahan perbincangan untuk kita sama-sama
mengukur kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi
~~Baru itu.~~ Dalam hubungan ini, saya yakin
setiap ahli, khasnya mereka yang berminat
dalam soal perkembangan ekonomi dan
perindustrian akan dapat memberikan
sumbangan mereka dalam membincangkan masalah *itu.*
ini.

Saudara-saudara sekalian,

18. ~~20.~~ Dari hasil perbincangan Seminar ini juga, saya yakin tentulah ada buah fikiran, syor, cadangan yang bernas dan membena yang boleh dijadikan asas panduan atau cadangan dalam melaksanakan Rancangan *Pembangunan Kerajaan Kelak.*
~~Malaysia Ketiga kelak.~~

19. 21. Dalam konteks inilah saya harap ahli-ahli UMNO khasnya, akan memberikan sokongan dan pendapat mereka, ~~secara terbuka~~ boleh kerana dalam membetulkan sesuatu atau dalam mencari benda yang lebih baik dan munafaat, kita perlulah mengkaji dari ~~kelemahan atau kekurangan~~ ~~dari~~ pengalaman kita di masa yang lepas.

20 22.

Menyebut tentang ^{pengalaman,} ~~kekurangan dan~~
~~kelemahan ini~~ saya tidaklah bermaksud untuk
menyatakan bahawa Kerajaan tidak mencapai
apa-apa hasil dalam pelaksanaan Rancangan
Malaysia Kedua dulu. Sebenarnya, banyak hasil
yang telah kita capai. Tetapi dalam arus
pergolakan nasionalism sekarang, seberapa
banyak kejayaan yang telah dicapai, tetapi
harapan rakyat masih melambung tinggi -- lebih
tinggi dari peringkat kecapaian hasil yang
diperoleh itu. Butir-butir mengenai kejayaan
hasil Rancangan Malaysia yang Kedua akan dapat
diketahui apabila penilaian mengenainya selesai
dan akan saya huraikan dalam sidang Parlimen
bulan Julai akan datang ini.

Saudara-saudara sekalian,

21 ~~23~~. Menganalisa soal parti kita, kekuatan sesebuah parti politik, seperti UMNO, bergantung kepada kekuatan dan perpaduan tiap-tiap orang ahlinya di semua peringkat, termasuklah Cawangan dan Bahagian. Kalau ahli-ahlinya benar-benar patuh kepada perjuangan parti dan sentiasa menjaga dan mengawasi perjuangan parti, tidak ada penyelewengan daripada dasar yang ditentukan oleh parti, maka UMNO akan terus kuat dan kukuh, untuk beberapa tahun yang akan datang.

22 ~~24~~. Saya sendiri telah dapat mengikuti perkembangan UMNO sejak ianya ditubuhkan dan kemudian berpeluang pula memerhati dan mengawasi sendiri dari atas, kegiatan dan kemajuannya dalam ~~tapan~~ ^{tahun} tahun kebelakangan ini serta meneliti segala pemikiran dan pandangan ahli-ahlinya.

23

~~25.~~ Saya dapati satu daripada perangai orang-orang Melayu yang terpuji ialah mereka itu sentiasa taat dan patuh kepada pucuk pimpinan yang mereka pilih, yang mereka percayai, asalkan pemimpin-pemimpin itu tidak menyeleweng daripada dasar yang telah ditentukan, asalkan mereka itu mengetahui yang pucuk pimpinan sentiasa berkhidmat kepada kepentingan parti, bangsa dan negara. Dengan sebab adanya perangai taat setia kepada pemimpin ini, dan dengan adanya semangat kepercayaan kepada orang-orang yang mereka telah beri kepercayaan, UMNO dapat ^{menganalkan} ~~menjalankan~~ dasar demokrasi dengan ~~licin dan sempurna~~ ^{nya}.

24 ~~27~~.

Begitu juga saya telah memerhati sejak UMNO ditubuhkan, tiap-tiap kali diadakan pemilihan tahunan pemimpin UMNO, bagi Majlis Kerja Tertinggi, ~~dulunya setahun sekali, sekarang tiga tahun sekali~~, jarang sangat kita dapati ahli UMNO menjatuhkan seorang pemimpin itu, melainkan dia sendiri telah menunjukkan kelemahannya. ~~dan menunjukkan yang dia tidak mempunyai kejujuran dan amanah.~~ Saya katakan semua ini, oleh sebab saya yakin perangai dan tingkah laku orang-orang Melayu yang terpuji itu akan berkekalan, supaya bukan saja UMNO akan kuat pada masa akan datang, bahkan ~~parti~~ UMNO dapat memberi bimbingan dan panduan kepada pihak ~~ahli-ahli parti~~ dalam Barisan ~~lain~~ ^{nasional dan} rakyat Malaysia seluruhnya — yang telah menumpukan taat setia, kepada negara yang kita kasihi ini.

Saudara sekalian,

25 ~~32~~. Dalam menghadapi keadaan keselamatan negara sekarang ini, kita patutlah sentiasa berwaspada dan berhati-hati supaya sebarang tindak-tanduk kita tidak akan menimbulkan suasana keruh yang boleh digunakan oleh anasir-anasir jahat atau orang-orang yang suka melakukan kekacauan untuk merosakkan ketenteraman dan keamanan negara. Memanglah menjadi tujuan ansir-anasir anti-nasional untuk memecah-belahkan dan melaga-lagakan rakyat supaya mereka boleh menggunakan peluang keadaan kacau-bilau ini untuk melaksanakan perjuangan mencapai niat jahat mereka itu.

...33/-

26 33.

Itulah sebabnya saya selalu menegaskan bahwa bagi mengelakkan peristiwa buruk yang hanya menguntungkan pihak-pihak yang tertentu, saya mengutamakan kepentingan keselamatan negara dari segala-galanya. Biarlah kita bersusah payah sedikit untuk menjamin supaya negara kekal dalam keadaan aman dan sentosa, daripada membenarkan negara jatuh ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh mengakibatkan rakyat hidup dalam azab dan sengsara.

27 ~~34~~. Saya percaya kita belum lagi
lupakan kesulitan dan pahit maung yang
kita alami selama 12 tahun, yaitu dari
tahun 1948 hinggalah tahun 1960, semasa
negara kita berada dalam keadaan darurat
disebabkan perjuangan khianat pengganas
komunis. Kita tentu tidak relakan
keadaan serupa itu berulang lagi.

28 35.

Sungguhpun kita mempunyai anggota keselamatan yang ramai dan tenaga yang cukup untuk mengawal keselamatan yang diancam oleh anasir-anasir anti-nasional, subversif dan kegiatan pengganas komunis, tetapi kita tidaklah boleh menyerahkan usaha menentang ancaman ini semata-mata kepada Kerajaan dan pasukan keselamatan. Rakyat perlu memainkan peranan mereka masing-masing. Ahli-ahli UMNO ^{mestilah} ~~khasnya boleh~~ memberi sumbangan dalam bidang keselamatan ini.

Saudara-saudara sekalian,

²⁹ ~~36~~. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa sebagai Perdana Menteri saya mengutamakan keselamatan negara dari segala-galanya, kerana pada pendapat saya, tidak ada maknanya kemakmuran jika tidak ada keamanan dan ketenteraman. Segala usaha dan tenaga kita untuk memesatkan pelaksanaan rancangan pembangunan dan meninggikan taraf hidup rakyat, tidak akan membawa erti jika keamanan dan keselamatan negara kita sentiasa terancam.

³⁰ ~~37~~. Itulah sebabnya saya kerap kali merayu kepada rakyat jelata supaya bersama-sama menyertai kerajaan dalam gerakan menghapuskan anasir-anasir anti-nasional, subversif dan kegiatan pengganas komunis supaya peruntukan wang yang digunakan untuk gerakan ini boleh disalurkan untuk perbelanjaan rancangan kemajuan dan ekonomi negara.


Saudara-saudara sekalian,

~~38.~~ Berbalik semula kepada Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian ini, saya sukalah mengingatkan para perwakilan sekalian supaya menggunakan hak-mutlak memilih pemimpin dengan penuh bijaksana. ~~Saya percaya setelah menjadi ahli parti sekian lama dan bercampur gaul dengan pemimpin itu, tentulah kita tahu siapakah perwakilan yang boleh memperjuangkan kepentingan dan kebajikan kita.~~

32 ~~39~~. Akhirnya, saya inginlah menyeru bahawa dalam menghadapi keadaan sekarang, khasnya pergolakan dalam parti, saudara-saudara sebagai ahli hendaklah memberikan sepenuh sokongan kepada ^{*pucuk pimpinan parti*} ~~pemimpin~~ agar menjamin perpaduan dan kesejahteraan rakyat terbanyak.

33 ~~40~~. Dengan harapan dan seruan inilah, saudara-saudara sekalian, saya dengan penuh sukacitanya ^{*membuka*} ~~merasmikan~~ Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bharu dan mendoakan ianya sentiasa terpelihara dan dapat berbakti kepada masyarakat dan negara.

Terimakasih.



**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



JUL 1978



No. Siri	178
No. Penerimaan	8 76